



**AL-QUDS**

Foundation Malaysia

مؤسسة القدس ماليزيا

RAMADAN 1439AH / 2018AD

# PELITA *untuk* AL-AQSA



PROF. DATO' DR. ZULKIFLI BIN HAJI MOHD YUSOFF

# PELITA *untuk* AL-AQSA

Risalah pada menjelaskan kedudukan  
Masjid Al-Aqsa dan kewajipan membelanya.



**AL-QUDS FOUNDATION MALASIA**  
**Yayasan Al-Quds Malaysia**

————— Ramadan 1439 AH / 2018 AD —————

Published by  
Al-Quds Foundation Malaysia (979024-W)  
2- 35, PV 128, Jalan Genting Kelang,  
Setapak, 53100  
Kuala Lumpur  
MALAYSIA

All Rights reserved.

Copyright © 2018 Al-Quds Foundation Malaysia

[www.alqudsmalaysia.org](http://www.alqudsmalaysia.org)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

# Kandungan

<b>Pengantar .....</b>	<b>5</b>
<b>Muqaddimah .....</b>	<b>7</b>
<b>Kenapa “<i>PELITA untuk AL-AQSA</i>”? .....</b>	<b>9</b>
<b>Al-Aqsa: Sepotong Ayat Dalam Al-Quran... ..</b>	<b>12</b>
<b>Al-Aqsa:Kiblat Pertama, Masjid Kedua Dan Tanah Suci Ketiga.....</b>	<b>16</b>
<b>Al-Aqsa Dalam Israk Dan Mikraj .....</b>	<b>18</b>
<b>Al-Aqsa: Ganjaran Berganda.....</b>	<b>23</b>
<b>Para Khalifah Al Rasyidun Membebaskan Al-Aqsa.....</b>	<b>26</b>
<b>Sahabat Di Perkarangan Al-Aqsa.....</b>	<b>27</b>
<b>Umat Islam Sepanjang Sejarah Mengambil Berat Terhadap Al-Aqsa .....</b>	<b>30</b>
<b>Perang Ke Atas Al-Aqsa .....</b>	<b>31</b>
<b>Apa Tindakan Kita? .....</b>	<b>33</b>
<b>Saudara Saudari Seagamaku .....</b>	<b>34</b>



## Pengantar

**A**lhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam dan selawat serta salam ke atas Rasulullah s.a.w.

Masjid Al-Aqsa terus menjadi kerinduan kaum muslimin, ia adalah kiblat pertama mereka, tempat israk Nabi mereka Muhammad s.a.w di mana baginda pernah mengimamkan para nabi. Darinya baginda mikraj ke langit bagi menerima kefardhuan paling tinggi iaitu solat. Al-Aqsa adalah pusat yang dilimpahi keberkatan sekitarnya, ia juga adalah salah satu dari ayat dalam kitabullah yang sering dibaca oleh kaum muslimin sejak dahulu hinggalah ke hari kiamat. Al- Aqsa hari ini hidup dalam tribulasi yang getir dalam makar penjajah, menuntut seluruh umat Islam berdiri bersamanya dan membelanya.

Buku kecil ini “*PELITA untuk AL-AQSA*” yang dikeluarkan Yayasan al-Quds Malaysia mengupas kedudukan Masjid Al-Aqsa dalam Al-Quran dan as Sunnah serta di sisi khulafa ar rasyidun, para sahabat dan umat Islam sepanjang zaman. Ia ditulis dengan penuh nilai ilmiah bersandarkan



pada hadis-hadis yang shahih dan riwayat-riwayat yang diyakini. Di dalamnya juga terdapat seruan kepada kaum muslimin di Malaysia untuk terus menghulurkan tangan bagi memberi bantuan kepada Masjid Al-Aqsa dengan derma bagi menjaganya dan menyebarkan pengetahuan serta ilmu berkaitan dengan kelebihanannya. Al-Aqsa sentiasa memerlukan dari kita lebih banyak pengorbanan yang tidak pernah kurang, agar kita mampu berdiri bersamanya dari segi politik, material dan juga penyebaran maklumat.

Akhir sekali, saya berterima kasih kepada Yayasan al-Quds Malaysia pada usaha murni mereka dalam khidmat untuk Masjid Al-Aqsa dan Al-Quds, khususnya dalam bidang maklumat dan pengetahuan. Semoga Allah Azza Wa Jalla mengizinkan kita untuk solat di Masjid Al-Aqsa selepas dibebaskan dari para penjajah.

Salam hormat,

**PROF. DATO' DR. ZULKIFLI BIN HAJI MOHD YUSOFF**

Pengarah

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya



## Muqaddimah

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas penghulu segala makhluk, Muhammad bin Abdullah, yang jujur dan amanah.

Kita kini di ambang Ramadhan al Mubarak, bulan mulia lagi agung, terzahir padanya erti kesabaran, pengorbanan, disiplin dan kesatuan umat Islam, lalu semangat ingin mendekatkan diri kepada Allah Taala akan tertingkat. Anggota badan akan bertungkus-lumus.

Mengerjakan solat, puasa, berjaga malam, zikir, tilawah dan sedekah. Ia adalah peluang besar bagi setiap muslim bagi menyucikan hati nubarinya, maka akan terlihat kegembiraan bagi umat Islam dalam menyambut Ramadhan.





Namun apa yang paling menyedihkan muslim di bulan mulia ini, apa yang dilalui umat Islam dari kegawatan kemanusiaan yang perit dan rumit. Terutamanya isu utama kaum Muslimin iaitu isu Palestin dan Masjid Aqsa al-mubarak.

Maka sepanjang bulan ini, terutamanya pada 7 Jun 2017 Masjid Al-Aqsa genap 50 tahun dijajah bawah kegelapan kekejaman zionis. Ia sedang menanti umat ini untuk membebaskannya dan mengembalikannya kepada zaman kegemilangan dan kemuliaan menikmati ketuanannya. Menyambut keluarganya, para tetamunya dan sekalian kekasihnya. Tidak diperkotak katikkan oleh penjajah , penjenayah atau pengganas asing. Orang Islam bebas solat diperkarangannya dan ruang-ruang solatnya, membaca kitab Allah di bawah lembayung pohon-pohonnya yang rendang, mendalami agama di waqaf-waqafnya dan di bawah kubah-kubahnya.

**DR. SYARIF ABU SYAMALAH**

Pengerusi

Yayasan Al-Quds Malaysia



## Kenapa “PELITA untuk AL-AQSA”?

**K**ami memilih judul untuk risalah ini dengan nama “Pelita Untuk Al-Aqsa” kerana dengan harapan akan ada sebuah lampu yang bernyala dari Malaysia sampai ke Masjid Al-Aqsa, yang akan menerangi jejak pencinta Al-Aqsa dan mengetahui kebesaran kedudukannya ketikamana cahayanya menerangi keadaannya dan kedudukannya di sisi akidah dan di sisi para sahabat yang mulia. Maka mereka akan menyalakan pelita bagi diutus ke Al-Aqsa.

Bahkan kata pelita itu sendiri terungkap indah membawa pelbagai makna dan rasa.

Telah diungkap oleh lidah Rasulullah sallallahu alaihi wasallam ketika ditanya oleh Maimunah binti Saad radhiallahu anha: “Ya Rasulullah, khabarkan kepada kami tentang Baitulmaqdis”. Rasulullah (S.A.W) menjawab, “Tanah tersebut adalah tempat di mana manusia akan dibangkitkan (Al-Hashr) dan dikumpul (Al-Mahshar). Kunjunginya untuk solat kerana satu solat di sana bersamaan




dengan seribu kali solat di tempat lain.” Beliau kemudian bertanya, “Jika salah seorang daripada kami tidak mampu menziarahinya, apakah yang patut dilakukan?”

Baginda menjawab “Jika kalian tidak mampu mengunjunginya untuk solat maka hantarkan minyak yang akan digunakan untuk menyalakan pelita-pelita di sana. [Perbuatan ini] akan menjadikan beliau seakan-akan solat di sana”. *(Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Al-Tabarani).*

Perhatian ini jelas dari sahabat dengan soalan tentang Masjid Al-Aqsa menunjukkan bahawa sahabat yang diredhai Allah memahami kedudukan Masjid Al-Aqsa dan ketinggiannya dan mereka sangat ingin melaksanakan apa yang mereka faham dalam membesarkan Masjid Al-Aqsa, maka telah diberikan saranan dari Nabi Sallallahu alaihi wa sallam pada mereka agar “mereka menghantar minyak sekiranya mereka tidak mampu sampai kepadanya.” Ini suatu pemahaman untuk seluruh umat dalam pelbagai jalan yang boleh membela Masjid Al-Aqsa dan mendapat keberkatannya. Baginda mengesyorkan sahabat agar tidak mengabaikannya dalam ancaman. Riwayat lain ada mengisyaratkan dalam hadis ini,

seandainya negeri itu (Baitul Maqdis) ketika itu berperang, ini bermaksud sukar untuk sampai ke sana, dan ia seolah-olah keadaan Masjid Al-Aqsa akan sentiasa dalam perperangan maka dengan itu orang Islam tidak boleh membiarkannya sendirian dalam menghadapi penajajahan zionis, bahkan berdiri bersamanya dan mendokongnya dengan mengutis apa yang diperlukan oleh Masjid Al-Aqsa, dari minyak untuk meneranginya, baik pulih, memudahkan jemaah sampai kepadanya atau membekalkan kemudahan kepada jemaah yang solat di sana.



## **Al-Aqsa: Sepotong Ayat Dalam Al-Quran.**

Disebut Masjid Al-Aqsa dalam Al-Quran selepas sahaja Allah menyebut tempat yang paling suci di atas muka bumi iaitu Masjid al-Haram dalam firman Allah:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي  
بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

الإسراء: ١

Maksudnya : “Maha Suci Allah yang telah memperjalankan dengan hambaNya pada waktu malam dari Masjid al-Haram ke Masjid Al-Aqsa yang telah kami berkati sekelilingnya untuk kami perlihatkan baginya dari tanda kebesaran Kami sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

Al-Israk :1

Didatangkan ayat yang merakam perjalanan israk dan mikraj serta penegasan terhadap kedudukan Masjid al-Aqsa yang merupakan tempat yang



menyambut Rasulullah s.a.w dan darinya baginda s.a.w mikraj ke langit. Kemudian baginda kembali semula ke Masjid al-Aqsa untuk mengimamkan para nabi sebelum kembali ke Mekah.

Dalam ayat tersebut Allah menyifatkan Masjid Al-Aqsa dengan persekitarannya diberkati. Diberkati merangkumi makna keteguhan dan ketetapan, juga mengandungi makna kelangsungan dan keiltizaman. Ke atasnya barakah di sini -merujuk ulamak tafsir- ia adalah ketetapan kebaikan dari Tuhan pada sesuatu, atau sesuatu kebaikan berterusan atas sesuatu secara tetap baginya. Ini bermakna kebaikan dari Tuhan akan meliputi di Masjid Al-Aqsa dan buminya yang suci, kebaikan ini akan terus menerus berada disekitarnya merentas zaman, sehinggalah hari kiamat. Ia akan menonjolkan berkatnya dalam kesucian buminya dari kejahatan serta kebatilan takkan berakar di dalamnya.

Berkat Masjid Al-Aqsa secara zahir dan maknawi, akan dapat dirasai siapa yang bersolat di dalam Masjid Al-Aqsa, atau mengambil berat terhadapnya, atau bekerja untuknya, ia tidak berkaitan dengan menghadirkan diri kepadanya, pada zaman kita diberi keuzuran kepada jutaan orang Palestin

yang berdekatan dengannya atau orang Islam yang ada di serata dunia untuk sampai mendirikan solat di dalamnya kerana sekatan Israel, mereka boleh merasai keberkahannya dengan bekerja untuknya, membelanya dan berusaha untuk melindunginya.

Ayat-ayat al-Quran telah menegaskan tentang berkat beberapa tempat yang mengelilingi Masjid al-Aqsa, serta mengkhususkan Masjid Al-Aqsa dengan menyebutnya sebagai pusat keberkatan dan kebaikan, dari padanya bertebat ke negeri-negeri Syam secara umum dan Palestin secara khusus, antaranya adalah:

Firman Allah dalam kisah Nabi Ibrahim dan Lut a.s:

وَجَّيْنَاهُ وَلُوطًا إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا لِلْعَالَمِينَ

الأنبياء : ٧١

Maknanya: “Dan kami menyelamatkannya (Ibrahim) dan Lut ke bumi yang kami berkati dalamnya untuk sekalian alam.” Al anbiya: 71.

Juga dalam firman Taala:

وَلِسُلَيْمَانَ الرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِي بِأَمْرِهِ إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا ۖ وَكُنَّا بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمِينَ  
الأنبياء : ٨١

Maknanya: “dan bagi Sulaiman angin kencang bertiup dengan perintahnya ke bumi yang Kami berkati di dalamnya, dan kami maha mengetahui atas segala sesuatu” al Anbiya: 81

Allah menyifatkannya sebagai tanah suci melalui lidah nabi Musa dalam firmanNya:

يَا قَوْمِ ادْخُلُوا الْأَرْضَ الْمُقَدَّسَةَ الَّتِي كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَوَلَّوْا عَلَىٰ أَدْبَارِكُمْ فَتَنْقَلِبُوا خَاسِرِينَ  
المائدة : ٧١

Maknanya: “wahai kaumku! Masuklah ke Tanah Suci yang ditentukan Allah untuk kalian dan janganlah berpaling ke belakang kamu maka kamu akan menjadi orang yang rugi” al-Maaidah:21

Bahkan banyak lagi ayat-ayat lain yang menunjukkan kesucian Baitulmaqdis dan keberkahan tanahnya.



## **Al-Aqsa: Kiblat Pertama, Masjid Kedua Dan Tanah Suci Ketiga.**

**P**elbagai petunjuk merujuk kepada ketinggian Masjid Al-Aqsa, ia adalah kiblat pertama orang Islam sebelum diubah arah kiblat ke Masjid al-Haram pada tahun kedua hijrah. Sepanjang era Mekah Nabi bersama kaum muslimin bersolat menghadap Masjid Al-Aqsa dan sekitar setahun setengah dalam era Madinah.

Telah diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a bahawasanya: “Rasulullah s.a.w bersolat di Mekah dengan menghadap ke arah Baitulmaqdis dan Kaabah dihadapannya, begitu juga selepas baginda berhijrah selama enam belas bulan, kemudian bertukar ke Kaabah.” (*musnad Imam Ahmad dan al Tarmizi*).

Masjid Al-Aqsa juga merupakan masjid kedua dibina di atas muka bumi selepas Masjid

Al-Haram yang membuktikan usianya yang mendahului sejarah.

Seperti dalam hadis dari Abi Zar r.a , “Dia telah berkata: aku berkata wahai rasullullah: masjid manakah yang pertama dibina di muka bumi? Baginda bersabda: Masjid al-Haram. Dia berkata: aku bertanya lagi: kemudian masjid mana? Baginda bersabda: Masjid Al-Aqsa. Aku bertanya lagi: berapa tempoh antara keduanya? Baginda berkata: empat puluh tahun.” Riwayat al Bukhari. Dalam keterangan ini menerangkan keagungan kedudukan Masjid Al-Aqsa yang berkait dengan Masjid al-Haram yang merupakan masjid kedua di muka bumi merupakan tempat menyembah Allah lalu mendapat kemuliaan awal dan kemuliaan berkait dengan Masjid Al-Haram.

Ia juga merupakan tanah suci ketiga kerana Nabi telah mengkhabarkan bahawa Masjid Al-Aqsa satu dari tiga masjid yang diperintahkan kita bersusah menmpuh perjalanan dan musafir semata untuk mendirikan solat padanya, padanya sentuhan keberkatan dan ganjaran pahala yang besar, sabda Rasul s.a.w “janganlah kamu bersusah-payah merantau kecuali ke tiga masjid; Masjid Al-Haram, masjidku ini (Masjid nabawi) dan Masjid Al-Aqsa” Muttafaqun Alaih.

## Al-Aqsa Dalam Israk Dan Mikraj

**A**l-Isra wa al-Mi'raj merupakan peristiwa penting dalam kehidupan Rasulullah s.a.w. dan sejarah penyebaran Islam. Perjalanan ini berlaku pada 27hb Rejab setahun sebelum penghijrahan Rasulullah s.a.w. ke Madinah. Kejadian ini merupakan antara mukjizat agung Allah s.w.t. kepada Rasulullah s.a.w.

Isra' merujuk kepada perjalanan Nabi Muhammad s.a.w. dari Masjid Al-Haram di Makkah ke Masjid Al-Aqsa di Al-Quds. Sepanjang perjalanan ini, Rasulullah s.a.w. menunggang Buraq, iaitu kuda yang mampu menyingkatkan waktu perjalanan antara kedua-dua masjid, dan diiringi oleh Malaikat Jibril. Manakala Mi'raj pula merujuk kepada perjalanan selepas Isra', yakni tatkala Nabi diangkat ke langit bersama Malaikat Jibril sehingga ke 'Sidratul Muntaha'.

Perjalanan ini merupakan salah satu daripada keajaiban yang wajib diimani oleh umat Islam berdasarkan bukti-bukti daripada al-Quran dan Sunnah.

Perjalanan Isra' dan Mi'raj didahului oleh waktu kedukaan yang teramat sangat yang dialami oleh Rasulullah s.a.w. Ketika itu, bapa saudara dan penjaga baginda, Abu Talib, telah meninggal dunia. Tidak lama kemudian, wafat pula Khadijah binti Khuwailid, iaitu isteri Nabi dan insan yang paling dikasihi baginda. Sepeninggalan Abu Talib, golongan Quraisy lantas meningkatkan serangan mereka terhadap Rasulullah kerana bapa saudaranyalah yang telah memberi baginda perlindungan. Natijah daripada hal ini, Rasulullah s.a.w. berusaha untuk mencari perlindungan di Taif, namun penduduk Taif menyambut baginda dengan lontaran batu-batu. Ini hanya menambahkan lagi duka baginda sehingga tahun tersebut digelar sebagai "Tahun Kesedihan". Maka, Allah s.w.t. dengan kekuasaan-Nya memberi kesembuhan kepada derita Rasulullah dengan peristiwa ajaib Isra' and Mi'raj dan daripadanya, azam dan kekuatan baginda untuk teguh mengharungi kesukaran dalam menyebarkan risalah Islam meningkat semula.

Ringkasnya, sewaktu Rasulullah sedang lena di Hijr Ismail di Masjid Al-Haram, Jibril telah mendatangnya dan mengejutkan baginda untuk membawanya ke Masjid Al-Aqsa dengan menaiki Buraq, yang disifatkan oleh baginda sebagai “haiwan yang panjang dan putih, besar sedikit daripada keldai, tetapi kecil sedikit daripada keldai kacukan kuda, (dan) setiap langkahnya sejauh mata memandang. Aku menaikinya sehingga sampai ke Al-Quds, Baitulmuqaddis. Di sana, aku mengikatnya pada (tiang) yang sama digunakan oleh rasul-rasul (sebelumku).”

Di Al-Aqsa, Rasulullah telah berjumpa dengan para rasul sebelumnya yang lain dan mengimami mereka dalam solat. Kemudian, Jibril membawanya sebekas arak dan sebekas susu, dan baginda memilih yang kedua. Jibril lantas berkata, “Engkau telah memilih fitrah, dan membimbing umatmu dan mengharamkan arak.”


Oleh yang demikian, dapat kita ketahui bahawa Al-Aqsa telah menyaksikan salah satu peristiwa yang terpenting dalam sejarah risalah Islam, iaitu perintah kefarduan solat di samping berkumpulnya para rasul pada malam tersebut sebagai makmum Rasulullah s.a.w. yang melambangkan bai’ah

(sumpah) kepada Rasulullah s.a.w. Selanjutnya, berlakunya Mi'raj dari Al-Aqsa ke langit ketujuh, di mana Rasulullah menerima firman yang memfardukan solat bagi orang-orang Islam. Perjalanan penuh Nabi s.a.w. ketika peristiwa Mi'raj juga penuh dengan keajaiban-keajaiban lain yang diperincikan dalam pelbagai hadis.

Perjalanan itu secara keseluruhan mengambil masa kurang daripada satu malam. Rasulullah telah pulang ke kamar pada malam yang sama dan pada paginya, baginda memberitakan kepada orang ramai tentang perkara yang telah berlaku. Walau bagaimanapun, khabar baginda ini telah membahagikan orang ramai kepada dua: mereka yang membenarkan kalamnya dan mereka yang menolaknya.

Dr. Mustafa Siba'ie telah berkata bahawa wujud rahsia yang pelbagai dalam perjalanan Isra' dan Mi'raj, dan sebahagian daripadanya berkait rapat dengan Masjid Al-Aqsa. Beliau telah berkata, "Ia mengaitkan isu Al-Aqsa dan apa yang berada di sekitarnya [Palestin] dengan dunia Islam. Palestin telah menjadi, selepas kedatangan Nabi Muhammad s.a.w., pusat dunia Islam dan kesatuan orang Islam sejagat. Oleh itu, usaha mempertahankan

Palestin itu sama dengan membela Islam itu sendiri. Ia adalah tanggungjawab semua orang Islam di dunia, dan melepaskan tanggungjawab ini sama seperti melepaskan sebahagian daripada Islam; suatu dosa yang dijanjikan azab Allah sekiranya mereka tidak bersungguh-sungguh membebaskan dan mempertahankan Palestin, lebih-lebih lagi sekiranya mereka mengaku beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.



## **Al-Aqsa: Ganjaran Berganda.**

**A**ntara keberkatan Masjid Al-Aqsa digandakan pahala solat di dalamnya, dari Abi Darda' dan Jabir r.a dari Nabi s.a.w telah bersabda:”kelebihan solat di Masjid Al-Haram atas solat lain seratus ribu kali solat, di masjidku ini seribu solat, dan di masjid Baitulmaqdis lima ratus solat.” Dikeluarkan oleh al Baihaqi dalam Sunan al Sughra no1821 dan dihasankan olehnya.

Dalam hadis yang lain menjelaskan solat di Masjid Al-Aqsa menyamai seperempat solat di Masjid Nabawi, merujuk kepada yang datang dari Abi Zar r.a: dia bertanya Rasul s.a.w berkenaan solat di masjid nabi lebih afdhal atau solat di Masjid baitul Maqdis? Lalu baginda bersabda: solat di Masjidku ini lebih baik dari empat solat di Masjid Baitulmaqdis, alangkah nikmatnya tempat solat itu, ia adalah tanah mahsyar dan mansyar, akan



datang satu zaman seorang lelaki melibas cemeti atau busurbketika melihat olehnya Baitulmaqdis; lebih baik baginya atau lebih disukai baginya dari seluruh isi dunia.” Riwayat albaihaqi dan di sahihkan al Bani dalam sahih Tarhib wa targhib.

Hadis ini menunjukkan bahawa pahala solat di Masjid Al-Aqsa menyamai dua ratus lima puluh solat kerana solat di Masjid Nabi sama dengan seribu solat di selainnya kecuali aolat di Masjid Al-Haram, berdasarkan hadis Nabi: Solat di masjidku ini sama seperti seribu solat di masjid lain kecuali solat di Masjid Al-Haram.” Muttafaqun Alaih.

Apa yang penting untuk diberi perhatian di sini: bahawa nabi s.a.w memuji Masjid Al-Aqsa dengan menyebut “alangkah nikmatnya tempat solat itu.” Kemudian menjelaskan Baitulmaqdis akan menjadi tempat mahsyar dan mansyar pada hari kiamat, antara pengajaran lain:

- Sahabat prihatin untuk bertanya mengenai Masjid Al-Aqsa dan solat di dalamnya.
- Dalam hadis menunjukkan kepada besarnya tanggungjawab yang dipikulkan ke atas umat Islam terhadap Masjid Al-Aqsa.

- Hadis menunjukkan ketinggian Masjid Al-Aqsa dalam jiwa orang islam bahkan tempatnya juga tinggi dalam syarak.
- Hadis juga merujuk bahasa isu Masjid Al-Aqsa akan terus hidup dalam jiwa umat islam yang bekerja untuk Masjid Al-Aqsa.
- Hadis juga menunjukkan ujian Al-Aqsa hari ini dan akan bertambah sukar dari kini sehinggakan tiada lagi orang dapat menetap di sekitar Masjid Al-Aqsa.

Peringatan: ada beberapa riwayat yang menyebut kelebihan solat di Al-Aqsa menyamai lima puluh ribu solat tetapi ia tidak sah menurut hukum ulamak hadis.

## Para Khalifah Al Rasyidun Membebaskan Al-Aqsa.

Catatan sejarah menunjukkan betapa banyak perhatian yang diberikan oleh Khulafa ar-Rasyidin kepada Masjid Al-Aqsa dan Al-Quds. Contohnya, Abu Bakr (r.a) menyegerakan penghantaran tentera bagi membuka bumi Sham. Keprihatinan beliau kepada Al-Aqsa dibuktikan dalam pesanan beliau kepada Khaled ibn al-Walid pada tahun 13H/634M, iaitu ketika Khalid di Iraq bagi menyertai angkatan tentera yang membuka Sham. Beliau mengiriskan pesanan berikut: “Segerakan saudaramu di bumi Sham. Demi Allah, sebuah kampung di bumi Al-Quds yang Allah membuka kepada kita lebih berharga bagiku daripada sebuah Rostaq (kampung besar) di Iraq.”

Misi pembukaan tersebut kemudiannya diteruskan oleh Khalifah kedua, Umar ibn al-Khattab, yang berjaya membuka Al-Quds. Selepas kemenangan tersebut, beliau mempersiapkan Masjid

Al-Aqsa bagi membolehkan orang Islam menunaikan solat pertama mereka di bahagian hadapan masjid. Kemudian, beliau dan beberapa sahabat lain, antaranya Saad ibn Abi Waqqas, Abdullah ibn Umar, Abdullah ibn Abbas, dan Mahmoud ibn al-Rabi' al-Ansari al-Khazraji, memulakan ihram mereka daripada Al-Aqsa.

## Sahabat Di Perkarangan Al-Aqsa.

**P**erkaitan kedua sahabat agung berikut, Ubadah ibn as-Samit dan Shaddad ibn Aws, dengan Al-Aqsa begitu masyhur; kubur-kubur mereka di tanah perkuburan Bab al-Rahmah di timur Al-Aqsa menjadi saksi kepada kecintaan mereka kepada Al-Quds.

Ubadah ibn as-Samit dilantik menjadi seorang hakim di Palestin dan hidup di Al-Quds dengan keluarga beliau. Beliau sangat kerap ke Masjid Al-Aqsa, dimana beliau menjadi seorang ahli ibadah, cendekiawan, dan guru, sehingga meninggal dunia.

Shaddad ibn Aws juga menghabiskan kehidupan beliau dengan menetap berdekatan dengan Masjid Al-Aqsa di Al-Quds, seperti yang diberitahu oleh Rasulullah (S.A.W). Shaddad pernah mengadu kepada Rasulullah (S.A.W) bahawa “Bumi menjadi semakin sempit untukku”, lalu Rasulullah (S.A.W) menjawab “Jangan risau. Sham akan dibuka, dan Al-Quds and dibuka, dan kamu dan anak-anak lelaki kamu akan menjadi imam-imam di sana, jika Allah mengizinkan.” (*Diriwayatkan oleh Al-Tabarani*) Sesungguhnya, Shaddad menetap di Al-Quds dan Al-Aqsa sebagai seorang imam sehingga beliau meninggal dunia, meninggalkan keturunan yang ramai di sana.

Shaddad bukanlah satu-satunya sahabat yang dianjurkan oleh Rasulullah (S.A.W) untuk menetap di Al-Quds. Contohnya, seorang sahabat yang bernama Thi al-Asabi yang mendapat inspirasi daripada kata-kata Rasulullah (S.A.W) dan berhijrah ke Al-Aqsa untuk menetap di sana. Beliau berkata “Saya bertanya Rasulullah (S.A.W), “Ya Rasulullah, jika kami akan menetap di suatu tempat setelah ketiadaanmu, ke manakah akan kamu arahkan kami (untuk menetap)?” lalu Rasulullah (S.A.W) menjawab “Menetaplah di Baitulmaqdis supaya jika kalian dikurniakan

anak, mereka akan ke masjid (Al-Aqsa)”.  
(*Diriwayatkan oleh Imam Ahmad*)

Di samping itu, terdapat ramai sahabat yang hati mereka dan jiwa mereka terikat kepada Al-Aqsa: Abu Ubaidah ibn al-Jarrah, Safiyya bint Huyayy, Muaz bin Jabal, Bilal ibn Rabah, Ayad bin Ghanam, Abdullah bin Umar, Khalid ibn al-Walid, Abu Dzar al-Ghiffari, Abu al-Darda ‘Uwaymar, Ubadah ibn al-Samit, Salman al-Farisi, Abu Masud al-Ansari, Tamim al-Dari, Amr ibn al-Aas, Abdullah bin Salam, Saeed bin Zaid, Abu Huraira, Abdullah ibn Amr ibn al-Aas, Muawiyah ibn Abi Sufyan, Auf bin Malik, dan Abu Jumaa al-Ansari (radhiallahu anhum).

## Umat Islam Sepanjang Sejarah Mengambil Berat Terhadap Al-Aqsa.

**S**ejak Umar al Khattab r.a membebaskan Al-Aqsa, Masjid dan kota Al-Quds berada dalam naungan Islam dalam penjagaan dan pemerhatian sehinggalah dirampas pada tahun 942 Hijrah oleh tentera Salib yang mengambil kesempatan di atas kelemahan khilafah dan perpecahan umat Islam serta perebutan kuasa dan umat Islam dikuasai hawa nafsu, penjajahan tentera salib berlanjutan sekitar 90 tahun. Panglima Nuruddin al Zanki telah mempersiapkan tentera pembebasan Al-Aqsa, bahkan beliau turut mempersiapkan mimbar untuk diletakkan di Masjid Al-Aqsa selepas pembebasannya. Selepas kewafatannya Salahuddin al Ayyubi telah mengetuai jihad membebaskan Masjid Al-Aqsa yang telah bersumpah tidak akan tersenyum selagi Al-Aqsa tidak dibebaskannya. Pada 583Hijrah Salahuddin telah memindahkan mimbar Nuruddin ke Al-Aqsa sekaligus membebaskan Masjid Al-Aqsa dan memperbaiki binaannya dan menghiasi mihrabnya. Lalu membina di lapangan dan sekitarnya sekolah-sekolah dan pejabat-pejabat serta kelas-kelas al-Quran serta ulumnya, berserta kelas-kelas hadis dan ulumnya.

## Perang Ke Atas Al-Aqsa.

**M**asjid Al-Aqsa terlibat dalam peperangan yang getir dengan penjajah tatkala penjajah cuba meruntuhkan Masjid Al-Aqsa dan mahu membina kuil yahudi di tempatnya. Untuk tujuan itu mereka telah meluluskan pelbagai polisi. Yang paling bahaya adalah apa yang sedang diusahakan sekarang ini, iaitu memaksa pemisahan masa dan tempat di Masjid Al-Aqsa.

Ini adalah polisi paling bahaya yang menjurus ke arah yahudinisasi Masjid Al-Aqsa, iaitu dengan menetapkan masa masa tertentu bagi menghalang orang Islam berada di dalam al-Aqsa iaitu dari jam 7:30 hingga 11:30 pagi dan jam 1:30 hingga 2:30 petang, manakala dikhususkan waktu ini bagi orang Yahudi membaca Talmud di Al-Aqsa, Ini adalah permulaan kepada pembahagian tempat yang mana dikhususkan beberapa tempat untuk yahudi mendirikan ritual mereka di dalam Al-Aqsa, serta menghalang Orang Islam berada di tempat tersebut manakala dikhususkan tempat tertentu untuk orang Islam mendirikan solat dalam masjid mereka. Ini adalah pelanggaran hak umat Islam yang terkepung dalam Al-Aqsa dan ke atas kebebasan beribadah yang berlaku terang terangan.



## **Bentuk bentuk lain serangan ke atas Al-Aqsa:**

- Percubaan membakar dan meletupkan Al-Aqsa.
- Menguasai beberapa bahagian dari Al-Aqsa.
- Galian di bawah Al-Aqsa.
- Larangan melakukan pembaikan dan pemulihan di dalam Al-Aqsa.
- Pencerobohan demi pencerobohan.
- Pengepungan Al-Aqsa.
- Memerangi kewujudan orang Islam di Al-Aqsa dan melarang majlis ilmu, Ribat dan Syaddu al Rihal ke Al-Aqsa.
- Menghalang orang islam dari memasuki Al-Aqsa bagi mendirikan solat.
- Pengharaman Azan.

Untuk info lanjut boleh didapati dalam buku:

### **Al-Quds dan Al-Aqsa diancam Yahudinisasi**

Yang akan diterbitkan *Yayasan al-Quds  
Malaysia* dalam masa yang terdekat.

### **Untuk tempahan :**

hubungi kami melalui **WhatsApp** : 011-28352900

Atau

E-mail: [qfmalaysia@gmail.com](mailto:qfmalaysia@gmail.com)

## Apa Tindakan Kita?

### Maka Marilah Kita Nyalakan “**PELITA untuk AL-AQSA**”

**K**ita telah melihat bagaimana Nabi dan para sahabat telah menyalakan pelita untuk Masjid Al-Aqsa dengan kecaknaan terhadapnya dan ketakziman mereka serta pembebasan Masjid Al-Aqsa yang di jajah serta usaha-usaha untuk memakmurkannya. Kita juga telah melihat betapa sayyidah Maimunah binti Saad r.h bertanya nabi tentang Al-Aqsa dan peranan kaum muslimin terhadapnya. Oleh itu kami berharap kalian menganggap risalah ini adalah jemputan yang khas untuk kalian dan hanya kalian untuk memiliki pelita khusus untuk kalian sumbangkan bagi menyinari Masjid Al-Aqsa. Dengan mendana mana-mana projek secara keseluruhan atau sebahagian yang sedang dilaksanakan di persekitaran Masjid Al-Aqsa dan juga bagi bangunannya serta baik pulih fizikalnya dan juga program memakmurkannya bersama murabitin dan musalin.

## ***Saudara Saudari Seagamaku...***

Sumbangkanlah hari ini dengan sebuah pelita yang bakal menerangi Al-Quds dan Masjid Al-Aqsa dengan membantu penduduk Al-Quds dalam projek “*PELITA untuk AL-AQSA*” dengan cara berikut:

**Pelita Ribath:** Bagi mendana murabithun di Masjid Al-Aqsa al Mubarak iaitu mereka yang mempertahankannya.

**Pelita Pengajian:** Bagi mendana halaqah-halaqah ilmu dan Al-Quran dan mendana pendidikan di sekitar Al-Quds.

**Pelita Ketabahan:** Bagi mendana penduduk Al-Quds dalam isu kediaman mereka yang diancam kerja perobohan oleh penjajah.

Nilai Sumbangan:



**Pelita Emas: RM 1000**



**Pelita Perak: RM 500**



**Pelita Gangsa : RM 100**



**Pelita Khas: Ikut kemampuan.**

***Pelita Kalian menerangi ketabahan mereka.***

## Sumbanglah kepada al-Aqsa sekarang !

For local transaction:

Account name: Yayasan Al-Quds Malaysia

 **Maybank** 5642 - 2163 - 9339


 **CIMB BANK** 8600499329

By Phone

+6 - 03 4131 2650

+6 - 011 2835 2900

**Get your free copy of**  
**“Pemantauan Terhadap Al-Aqsa”**  
*Ringkasan Eksekutif /2016*




• Al-Quds Kami Info Service •

To be close with Al-Quds and Al-Aqsa,  
Subscribe with our  
WhatsApp no. : 011 2835 2900





# AL-QUDS


Foundation Malaysia


 [Alqudsmalaysia.org](http://Alqudsmalaysia.org)

    QFMalaysia

 [qfmalaysia@gmail.com](mailto:qfmalaysia@gmail.com)

 006-013 41312650

 006-011 21273216

 2- 35, PV 128, Jalan  
Genting Kelang,  
Setapak, 53100,  
Kuala Lumpur, Malaysia

ISBN 978-967-15071-0-0



9 789671 507100